

**UCAPAN PERASMIAN  
YB DATO' NORIAH BINTI KASNON  
TIMBALAN MENTERI  
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**PERASMIAN KURSUS ASAS TEKNOLOGI TANAMAN KOKO  
BAGI PROGRAM TANAMAN BARU 2013 ZON PERAK &  
SELANGOR**

**RABU, 5 JUN 2013  
RUMAH REHAT SABAK BERNAM, SELANGOR**

---

Yang Berusaha Dr. Lee Choon Hui  
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia

Dif-dif jemputan,

Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya, dapat kita bersama-sama dalam majlis pada pagi ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) di atas jemputan bagi saya merasmikan Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko Bagi Program Tanaman Baru Tahun 2013 Peringkat Zon Perak dan Selangor pada hari ini. Syabas dan tahniah kepada Lembaga Koko Malaysia di atas penganjuran Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko pada kali ini. Saya difahamkan bahawa hampir 140 pekebun baru dari Negeri Selangor dan Perak terutamanya dari Sabak Bernam dan Sungai Besar hadir pada pagi ini. Saya juga gembira kerana buat

pertama kali sejak diamanahkan menjawat jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), saya mendapat peluang untuk bersua-muka dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

2. Saya percaya bahawa majlis seumpama ini, dapat menyediakan peluang kepada saya bagi menerangkan bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan, khususnya kepada masyarakat di luar bandar bagi meningkatkan pendapatan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Di samping itu, saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan juga dapat mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat dan bertukar-tukar pendapat ke arah memajukan lagi tanaman koko di negara ini seterusnya merebut peluang yang ada, bagi mendapatkan bantuan Kerajaan melalui agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Tanaman koko telah lama diusahakan di negara kita dan tanaman ini telah terbukti memberi sumbangan penting kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Pada satu ketika dahulu, Malaysia merupakan salah sebuah negara pengeluar biji koko terbesar di dunia. Pada tahun 1989, kawasan tanaman koko di Malaysia ialah seluas 415,000 hektar dengan jumlah pengeluaran biji koko mencecah 247,000 tan. Namun demikian, sejak tahun 2000, keluasan tanaman koko negara telah mula menyusut berikutan persaingan guna tanah dengan tanaman komoditi lain terutamanya kelapa sawit. Pada tahun 2012, kawasan tanaman koko direkodkan seluas 21,710 hektar dengan pengeluaran sebanyak 3,630 tan, iaitu berkurang hampir 27% daripada 4,605 tan pada tahun

2011. Ini adalah disebabkan antara lain, kerana perubahan iklim dan pertambahan keluasan baru tanaman koko masih di peringkat awal tanaman dan belum matang untuk pengeluaran hasil.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Pada tahun 2020, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) mensasarkan pendapatan eksport koko dan produk koko akan meningkat kepada RM6 bilion daripada RM3.7 bilion pada tahun 2012. Bagi mencapai sasaran ini, Kerajaan akan mempergiatkan tanaman koko terutamanya di sektor pekebun kecil dengan menambah sebanyak 2,000 hektar kawasan baru tanaman koko setiap tahun supaya keluasan tanaman koko dapat dipertingkatkan daripada 21,710 hektar pada tahun 2012 kepada 40,000 hektar menjelang 2020.

5. Program Tanaman Baru Koko merupakan suatu program utama MPIC bagi mencapai hasrat ini. Peruntukan sebanyak RM12.6 juta telah diluluskan untuk membangunkan 1,580 hektar kawasan baru tanaman koko pada tahun ini. Saya difahamkan bahawa keluasan tanaman koko di kedua-dua negeri ini adalah 569.7 hektar, di mana 93.9 hektar adalah di Selangor dan 475.77 hektar di Perak. Melalui Program Tanaman Baru ini, seluas 110 hektar lagi akan dibangunkan di Selangor dan Perak di mana 86.2 hektar sedang dibangunkan dan 23.8 hektar lagi akan dibangunkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Tanaman Koko merupakan salah satu tanaman komoditi yang berpotensi untuk menambah pendapatan para pekebun. Keadaan cuaca dan tanah di negara ini amat sesuai dengan penanaman koko. Saya percaya penduduk di Selangor dan Perak masih mempunyai tanah lapang sama ada di kebun atau di sekeliling rumah untuk ditanam koko, atau menanam koko secara integrasi bersama tanaman lain seperti pokok buah-buahan.

7. Pada tahun ini, LKM mengunjurkan harga biji koko akan bergerak dalam lingkungan RM6,500 hingga RM8,000 bagi setiap tan. Dengan harga biji koko yang tinggi ini, saya percaya penanaman koko mampu meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan para penduduk di sini. Mengikut jangkaan *International Cocoa Organisation* (ICCO), harga biji koko kering akan meningkat berikutan ramalan penurunan pengeluaran koko dunia sekaligus meningkatkan permintaan untuk pembuatan produk koko bagi penduduk dunia yang kian bertambah.

8. Sehubungan itu, saya menyeru agar penduduk di Selangor dan Perak untuk mengambil kesempatan menanam dan mengusahakan koko bagi merebut peluang harga koko yang tinggi ini. Para pekebun juga tidak perlu risau mengenai penjualan biji koko kering kerana permintaan pengisar koko tempatan adalah tinggi dan Lembaga Koko Malaysia juga sedang membantu dalam pemasaran biji koko kering yang memberi harga setimpal dengan pasaran dunia di bawah Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik (KSPD).

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko selama dua hari ini merupakan kursus yang penting dalam memperkenalkan teknologi penanaman dan pengurusan koko, terutama kepada para pekebun yang baru memulakan tanaman koko. Kursus ini diharapkan dapat membantu pekebun meningkatkan kemahiran dan seterusnya mengusahakan tanaman koko dengan lebih mahir. Dengan kemahiran yang diperolehi pada kursus ini, saya harapkan pokok-pokok koko ditanam dan dijaga dengan baik agar dapat mengeluarkan hasil buah koko yang tinggi.

10. Saya percaya bahawa peningkatan pengeluaran atau produktiviti koko sangat berkait rapat dengan amalan atau penggunaan teknologi koko terkini. Semakin kerap amalan teknologi koko diguna pakai oleh petani, maka semakin tinggilah produktiviti dan hasil pengeluaran kebun koko petani. Terdapat banyak teknologi koko yang telah dihasilkan oleh LKM seperti teknologi pembajaan, teknologi penanaman, teknologi pemangkasan serta pelbagai lagi teknologi yang telah tersedia untuk diguna pakai oleh para petani. Namun demikian, para petani haruslah berperanan untuk memastikan semua teknologi ini diguna pakai di kebun koko agar ianya dapat membantu meningkatkan produktiviti tanaman koko yang akhirnya akan meningkatkan pengeluaran koko.

11. Justeru, saya menyarankan agar para petani sentiasa bekerjasama secara berpasukan atau berkelompok bagi membolehkan dan memastikan bahawa setiap teknologi koko dapat dibincang dan diaplikasikan bersama di kalangan kelompok petani. Lantaran itu, saya kira adalah tepat pada waktunya LKM mengadakan Kursus Asas

Teknologi Tanaman Koko untuk peserta-peserta baru tanaman koko pada hari ini kerana ianya dapat membantu untuk mendedahkan peserta-peserta kepada pengetahuan tanaman koko terkini agar kemahiran dapat diwujudkan disanubari petani-petani baru koko secara menyeluruh terutamanya dalam pengurusan kelompok dan pengurusan kebun koko yang cekap dalam peningkatan produktiviti kebun koko.

12. Saya juga yakin dan percaya bahawa aktiviti kursus ini mampu meningkatkan motivasi di kalangan petani-petani koko melalui perjumpaan dan pertukaran pandangan sesama petani serta pegawai-pegawai dari LKM sendiri. Dengan peningkatan pengetahuan dan kemahiran ini, diharapkan pokok-pokok koko yang ditanam akan mengeluarkan hasil buah koko yang tinggi dan seterusnya meningkatkan lagi pendapatan petani koko.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada LKM di atas kejayaan menganjurkan Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko ini. Adalah menjadi harapan besar saya agar setiap peserta dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi di kursus ini bagi meningkatkan lagi usaha dan hasil tanaman koko sekaligus membantu meningkatkan hasil pengeluaran komoditi koko negara. Kursus ini juga sebenarnya, merupakan satu forum yang baik kepada para petani di dalam mendapatkan maklum balas secara terus dan informasi berguna dan terkini di samping berkongsi buah fikiran dan pengalaman sesama peserta, penceramah dan LKM ke arah memantapkan lagi industri koko negara khususnya di Selangor dan Perak.

Dengan ini, dengan lafaz *bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko Bagi Program Tanaman Baru 2013 Zon Perak dan Selangor.

Terima kasih.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
5 Jun 2013.